

# Kaedah Mnemonic Dalam Pengajaran Sejarah Murid Tingkatan Empat Daerah Padawan

*(The Mnemonic Method in Teaching History to Form Four Students of Daerah Padawan)*

Norasyiekin Rajali<sup>1\*</sup>, Anuar Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p132679@ukm.edu.my](mailto:p132679@ukm.edu.my)

Received: 27 March 2025 | Accepted: 3 May 2025 | Published: 1 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2025.7.2.2>

**Abstrak:** Penguasaan fakta Sejarah adalah sangat penting dalam kalangan murid memandangkan Sejarah merupakan subjek wajib lulus peringkat SPM. Namun isu yang selalu timbul adalah murid sukar mengingat fakta dan menganggap subjek ini susah untuk dikuasai. Hal ini menyebabkan minat murid menurun. Dengan itu kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap minat dan daya ingatan murid dalam pengajaran Sejarah menerusi penggunaan kaedah mnemonic. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik. Lokasi kajian dijalankan di SMK Agama di Daerah Padawan. Populasi terdiri daripada dua buah kelas Tingkatan Empat yang berbeza aliran dan berjumlah 54 orang murid. Manakala untuk sampel berjumlah 50 orang murid dipilih secara rawak bagi menjawab soal selidik. Kajian dijalankan setelah mendapat keizinan daripada pihak pengurusan sekolah. Instrumen kajian mengandungi tiga bahagian dan terdiri 22 item soalan. Perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 29.0 digunakan bagi menganalisis data deskriptif dan data inferensi menggunakan Korelasi Pearson. Hasil kajian mendapati dalam konstruk tahap minat mencatatkan skor min tertinggi sebanyak min  $M=4.50$  dan sisihan piawai  $SP=.707$ . Manakala bagi konstruk daya ingatan murid mencatatkan nilai tertinggi min  $M=4.40$  dan sisihan piawai  $SP=.670$ . Selain itu, hubungan di antara minat dan daya ingatan dalam mata pelajaran Sejarah menggunakan mnemonic dianalisis dan mencatatkan nilai korelasi  $r=.881^{**}$  dengan signifikan (2-tailed)  $p<.001$ . Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dan tahap daya ingatan murid dalam pengajaran Sejarah menggunakan mnemonic. Secara rumusannya guru Sejarah perlulah menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif serta interaktif bagi meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran ini.

**Kata Kunci:** Mnemonic, Minat, Daya Ingatan, Kreatif, Interaktif

**Abstract:** Mastery of historical facts is crucial among students since History is a compulsory subject for passing the SPM level. However, a common issue that arises is that students struggle to remember facts and perceive the subject as difficult to master. This results in a decline in student interest. Therefore, this study aims to examine the level of interest and memory retention of students in History teaching through the use of the mnemonic method. This study employs a quantitative method, namely a questionnaire survey. The research was conducted at SMK Agama in the Padawan District. The population consists of two different Form Four classes, totaling 54 students. A random sample of 50 students was selected to answer the questionnaire. The study was conducted with the approval of the school's

management. The research instrument consists of three sections and includes 22 items of questions. The Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29.0 software was used to analyze descriptive data and inferential data using Pearson Correlation. The results of the study show that the interest level construct recorded the highest mean score of  $M = 4.50$  and standard deviation  $SP = 0.707$ . Meanwhile, the memory retention construct recorded the highest value of  $M = 4.40$  and standard deviation  $SP = 0.670$ . Additionally, the relationship between interest and memory retention in History using mnemonics was analyzed and recorded a correlation value of  $r = .881^{**}$  with a significance (2-tailed)  $p < .001$ . The findings of this study indicate that there is a significant relationship between interest and memory retention in History teaching using mnemonics. In conclusion, History teachers should use creative and interactive teaching methods to enhance students' mastery of this subject.

**Keywords:** Mnemonic, Interest, Memory Retention, Creative, Interactive

---

## 1. Pendahuluan

Sejarah ialah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima dan merupakan subjek wajib lulus peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi melayakkan calon mendapatkan sijil. Selain itu mata pelajaran Sejarah berperanan untuk mengukuhkan elemen kewarganegaraan. Menurut Hanita Ladjaharun dan Mohd Asri Mohd Noor (2024) menyatakan pendidikan sejarah penting bagi membina jati diri serta memupuk semangat patriotisme dan amalan hidup yang harmoni. Pengajaran Sejarah sering kali dianggap mencabar terutamanya dalam mengingat fakta-fakta penting, tarikh, dan peristiwa. Menurut dapatan kajian Nurul Faezah Rosli et.al (2023) menyatakan guru Sejarah perlulah mempunyai pengetahuan yang tinggi serta merancang strategi pengajaran yang menarik bagi meningkatkan minat murid sekaligus mencapai objektif pengajaran.

Guru Sejarah mempunyai tanggungjawab yang besar bagi menyampaikan kandungan pengajaran yang berkesan kepada murid. Pengajaran yang interaktif penting bagi meningkatkan minat dan penguasaan murid dalam mata pelajaran ini. Intervensi dalam penguasaan fakta amatlah penting agar menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih berkesan serta menyeronokkan. Sejalan dengan transformasi kurikulum pendidikan kebangsaan yang mendepani cabaran abad ke-21, menurut Abdul Razak, Mohd Mahzan dan Zunaida (2017) dalam transformasi tersebut kurikulum pendidikan Sejarah kebangsaan dilihat berubah secara holistik sama ada berkaitan pedagogi, pengurusan, kandungan, kaedah penilaian, peruntukan masa, bahan dan pengurusan kurikulum di sekolah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka keberkesanan kaedah mnemonic dalam membantu murid mengingat maklumat sejarah dengan lebih berkesan.

## 2. Permasalahan Kajian

Walaupun Sejarah merupakan subjek penting dalam kurikulum pendidikan, terdapat penguasaan yang rendah terhadap fakta-fakta Sejarah dalam kalangan murid. Masalah ini terbukti melalui keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan dan kurangnya minat serta pemahaman mendalam mengenai peristiwa Sejarah. Antara punca yang dikenal pasti termasuk kurangnya penggunaan teknik pengajaran yang kreatif. Pengajaran yang terlalu berfokus pada hafalan tanpa melibatkan pendekatan interaktif dan menarik menyebabkan murid merasa bosan dan kurang bermotivasi untuk belajar. Dengan itu menurut Nur Farhanah Halim et.al (2020) mengatakan guru sejarah perlu mengubah persepsi murid terhadap mata pelajaran ini dengan

mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Metodologi pengajaran yang tidak sesuai serta pendekatan pengajaran yang tidak mengambil kira pelbagai gaya belajar menyebabkan murid sukar untuk mengaitkan fakta Sejarah dengan pengetahuan yang sedia ada. Seterusnya, murid tidak menyedari tentang kepentingan belajar Sejarah dalam kehidupan seharian, menyebabkan mereka menganggap subjek ini tidak penting. Perkara ini amat merisaukan kerana mata pelajaran Sejarah merupakan agen untuk memupuk patriotisme atau semangat cinta kepada negara.

### **3. Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji keberkesanan penggunaan mnemonic dalam kalangan murid Tingkatan Empat di SMKA di Daerah Padawan. Berikut merupakan persoalan kajian yang perlu diselesaikan:

- i. Apakah tahap minat murid dalam pengajaran Sejarah melalui penggunaan kaedah
- ii. mnemonic?
- iii. Apakah tahap daya ingatan terhadap kandungan pengajaran Sejarah melalui penggunaan mnemonic?
- iv. Adakah terdapat hubungan di antara tahap minat dan daya ingatan murid menerusi penggunaan mnemonic dalam pengajaran Sejarah?

### **4. Objektif Kajian**

Daripada persoalan kajian yang timbul, terdapat tiga objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini. Kajian ini secara umumnya mengkaji sejauh mana kaedah mnemonic mampu menarik minat dan meningkatkan daya ingatan murida dalam mata pelajaran Sejarah.

- i. Mengenal pasti tahap minat murid terhadap penggunaan kaedah mnemonic dalam pengajaran Sejarah.
- ii. Seterusnya mengkaji tahap daya ingatan murid melalui kaedah mnemonic.
- iii. Terakhir adalah menganalisis hubungan minat dan daya ingatan murid melalui penggunaan mnemonic dalam pengajaran Sejarah.

### **5. Hipotesis Kajian**

Hipotesis didefinisi sebagai cadangan atau saranan pilihan bagi penyelesaian terhadap sesuatu permasalahan. Berdasarkan persoalan dan objektif kajian, hipotesis nol ( $H_0$ ) ditetapkan mengikut kehendak soalan kajian.

$H_{01}$ : Minat murid adalah rendah dalam pengajaran Sejarah melalui kaedah mnemonic.  $H_{02}$  : Tahap penguasaan Sejarah murid adalah rendah melalui kaedah mnemonic dalam pengajaran Sejarah

$H_{03}$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dan daya ingatan melalui penggunaan kaedah mnemonic dalam kalangan murid.

### **6. Kajian Literatur**


Daripada kajian Nurul Syadiah dan Ramlah (2023) mengatakan perkataan mnemonic berasal daripada bahasa Yunani iaitu mnemosyne yang merujuk kepada dewi Yunani kuno yang wujud dalam ingatan. Teknik ini membantu mental individu untuk mengingat maklumat seperti nama, nombor, sesuatu formula. Teknik ini menjadikan proses mengingat lebih mudah dan efektif. Terdapat beberapa teknik mnemonic yang sering digunakan dalam menguasai maklumat

antaranya penggunaan akronim, lagu, dan kata kunci. Teknik ini banyak digunakan oleh murid dalam mengingat pelajaran dan menjadikan pengajaran guru lebih berkesan. Dalam pengajaran Sejarah yang memerlukan murid menguasai banyak fakta, teknik mnemonic amat membantu dalam memudahkan murid dan juga meningkatkan minat terhadap mata pelajaran ini.

Seterusnya dapatan kajian yang dijalankan oleh Nurul Syadiyah dan Ramlah (2023) mengatakan melalui mnemonic dapat dilihat kesan pengekal maklumat dalam minda murid dan ini menunjukkan bahawa mnemonic visual dapat membantu maklumat yang diterima oleh minda kekal lama dalam ingatan dan menjadikan pemprosesan maklumat lebih berkesan diperingkat ingatan jangka panjang. Beliau mencadangkan bahawa teknik mnemonic visual dapat membantu maklumat kekal lama dalam ingatan bagi pembelajaran mata pelajaran sejarah.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Umi Fairus dan Fazlinda (2018) juga mendapati penggunaan kaedah mnemonic akronim mampu meningkatkan minat belajar dan membantu mempercepatkan proses daya ingatan dalam kalangan murid-murid sekolah rendah berbanding penggunaan secara konvensional iaitu bacaan atau hafalan. Kajian ini juga mendapati tahap korelasi antara minat dengan daya ingatan melalui penggunaan kaedah mnemonic akronim adalah sangat tinggi iaitu  $r=.900^{**}$ . Dengan ini membuktikan kaedah mnemonic amat berkesan dalam pengajaran.

Kajian-kajian lepas berkaitan kaedah pengajaran guru menunjukkan teori Piaget sesuai bagi melaksanakan kaedah mnemonic dalam pengajaran Sejarah. Dalam kajian Aliza dan Zamri (2015) Piaget (1951) menyatakan bahawa murid menggunakan objek di sekeliling semasa bermain dan berinteraksi dengan persekitaran. Teori Piaget sangat jelas dengan perkembangan kognitif yang berlaku dalam empat tahap iaitu sensorimotor, tahap pra-operasional, operasional konkrit dan operasional formal. Tambahan, Piaget mengatakan pengetahuan dibentuk melalui asimilasi dan akomodasi. Asimilasi kognitif berlaku melalui peristiwa yang sama iaitu penyesuaian diri dalam lingkungan sama manakala akomodasi merupakan penyesuaian diri di luar lingkungan. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Kesimpulannya, penggunaan kaedah mnemonic dalam pengajaran Sejarah menawarkan potensi yang besar untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap fakta dan peristiwa Sejarah. Dengan memahami pelbagai teknik mnemonic dan mengaplikasikannya dalam pengajaran, guru dapat membantu murid mengatasi cabaran dalam pembelajaran Sejarah. Kajian lanjut diperlukan untuk meneroka keberkesanan teknik ini dalam konteks yang lebih luas dan dalam pelbagai situasi pembelajaran.

## 7. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah satu kajian deskriptif yang bersifat tinjauan ataupun kuantitatif. Kajian kuantitatif yang dijalankan adalah membawa maksud penyelidikan yang bertujuan menghurai, menghubungkan dan menjelaskan secara terperinci tentang sesuatu bidang ilmu dan hasil kajian daripada sampel tersebut. Data kuantitatif diperoleh melalui instrumen soal selidik kepada murid sekolah. Justeru pengkaji berpendapat reka bentuk kuantitatif ini bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian yang dijalankan.

## 8. Dapatan dan Perbincangan

a) Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu: Apakah tahap minat murid dalam pengajaran Sejarah melalui penggunaan kaedah mnemonic? Tafsiran skor min pada setiap peringkat pembolehubah ini diperolehi dengan mencari perbezaan nilai min berdasarkan jadual tafsiran Tschannen-Moran & Gareis (2004).

Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif bagi konstruk minat dalam pengajaran Sejarah melalui penggunaan mnemonic dalam kalangan murid Tingkatan Empat di SMK Agama Daerah Padawan. Daripada dapatan kajian dalam melihat tahap minat murid dalam pengajaran Sejarah menggunakan mnemonic adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut;

**Jadual 1: Skor Min dan Sisihan Piawai Konstruk Minat**  
**Descriptive Statistics**

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
B1 Minat	50	1	5	4.34	.961
B2 Memudahkan	50	3	5	4.40	.700
B3 Seronok	50	2	5	4.44	.705
B4 Menambah idea	50	1	5	4.42	.835
B5 Senang Ingat	50	3	5	4.50	.707
B6 Lebih Cepat	50	2	5	4.20	.728
B7 Bersemangat	50	3	5	4.46	.706
B8 Menarik	50	1	5	4.40	.881
B9 Tingkat Keyakinan	50	3	5	4.32	.713
B10 Idea Baru	50	3	5	4.42	.673
Valid N (listwise)	50				

Daripada keseluruhan nilai min untuk setiap konstruk B menunjukkan 9 konstruk mempunyai nilai min yang sangat tinggi iaitu di antara 4.21-5.00. Hanya satu konstruk yang berada pada tahap tinggi iaitu konstruk B6 dengan nilai min 4.20. Dengan itu disimpulkan bahawa penggunaan mnemonic dalam pengajaran Sejarah boleh meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Hipotesis nol yang pertama (Ho1) berjaya ditolak.

b) Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu:  
 Apakah tahap daya ingatan terhadap kandungan pengajaran Sejarah melalui penggunaan mnemonic?

Jadual 2 menunjukkan analisis diskriptif bagi konstruk tahap daya ingatan terhadap pengajaran Sejarah melalui penggunaan mnemonic dalam kalangan murid Tingkatan Empat di SMK Agama Daerah Padawan. Daripada dapatan kajian dalam melihat tahap daya ingatan murid dalam pengajaran Sejarah menggunakan mnemonic adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut;

**Jadual 2: Skor Min dan Sisihan Piawai Konstruk Daya Ingatan**  
**Descriptive Statistics**

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
C1 Ingat Fakta	50	3	5	4.40	.670
C2 Cepat Menguasai	50	2	5	4.10	.839
C3 Lebih Bersemangat	50	3	5	4.16	.738
C4 Lebih Rajin	50	2	5	3.98	.820
C5 Lebih Kreatif	50	1	5	4.08	.966
C6 Lebih Ingat	50	3	5	4.22	.764
C7 Hafal	50	3	5	4.32	.713
C8 Rujukan	50	2	5	4.30	.789
C9 Mudah	50	2	5	4.12	.773
C10 Bina Nota Kendiri	50	2	5	4.28	.784
Valid N (listwise)	50				

Secara umumnya tahap daya ingatan murid Tingkatan Empat, SMK Agama di Daerah Padawan terhadap pengajaran Sejarah menggunakan kaedah mnemonic berada pada tahap tinggi bagi lima konstruk dan sangat tinggi untuk lima konstruk. Bacaan ini adalah berdasarkan interpretasi mengikut Tschannen-Morgan & Gareis (2004). Dengan ini, hipotesis nol yang kedua (Ho2) berjaya ditolak.

Manakala, bagi korelasi adalah salah satu daripada teknik analisis statistik yang digunakan untuk mencari hubungan antara dua pemboleh ubah yang bersifat kuantitatif. Ujian korelasi dijalankan untuk melihat hubungan di antara pemboleh ubah yang dikaji. Bagi kajian ini, korelasi diuji dengan Korelasi Pearson.

c) Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu:  
 Adakah terdapat hubungan di antara tahap minat dan daya ingatan murid menerusi penggunaan mnemonic dalam pengajaran Sejarah?

Jadual 3 menunjukkan korelasi di antara minat dan daya ingatan terhadap pengajaran Sejarah melalui penggunaan mnemonic dalam kalangan murid Tingkatan Empat di SMK Agama Daerah Padawan. Daripada dapatan kajian dalam melihat hubungan tahap minat dan tahap daya ingatan murid adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 berikut;

**Jadual 3: Korelasi di antara min minat dan daya ingatan murid menggunakan mnemonic  
 Correlations**

		MeanB	MeanC
MeanB	Pearson Correlation	1	.881**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	50	50
MeanC	Pearson Correlation	.881**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	50	50

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Keputusan bagi korelasi di antara min minat dan tahap daya ingatan murid mencatatkan bacaan  $r = .881^{**}$  dengan sisihan piawai,  $p = <.001$  iaitu  $p < 0.05$  signifikan pada aras 0.01 (2 tailed). Berdasarkan petunjuk kekuatan nilai pekali korelasi  $r = .881$  saiz pekali korelasi membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kuat di antara minat dan tahap daya ingatan murid menggunakan mnemonic dalam pengajaran sejarah. Dengan itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) berjaya ditolak.

Keputusan kajian tahap minat dan daya ingatan murid menggunakan mnemonic menunjukkan bahawa kaedah ini sangat berkesan dalam pengajaran Sejarah. Minat murid dalam mata pelajaran Sejarah boleh ditingkatkan dan menyebabkan tahap daya ingatan murid semakin tinggi. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian Hill (2022) menyatakan dapat dilihat kesan pengekalan maklumat dalam minda murid dan ini menunjukkan bahawa mnemonic dapat membantu maklumat yang diterima oleh minda kekal lama dalam ingatan dan menjadikan pemprosesan maklumat lebih berkesan diperingkat ingatan jangka Panjang. Pemprosesan maklumat yang melibatkan integrasi antara pengetahuan sedia ada dan pengetahuan baharu secara visual yang diterima dapat membina pengetahuan baharu seterusnya kekal dalam ingatan jangka panjang. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Zarei dan Salimi (2012) mengatakan teknik kata kunci adalah lebih berkesan berbanding gambar dan nyanyian.

### Cadangan Dan Implikasi

Kaedah pengajaran guru Sejarah yang kreatif dan inovati amat penting bagi memastikan matlamat mata pelajaran ini dapat dicapai. Hal ini demikian disebabkan oleh peranan mata pelajaran Sejarah sebagai agen perpaduan utama dalam sistem pendidikan seperti yang ditetapkan oleh KPM. Justeru dicadangkan agar guru Sejarah perlulah menggunakan kaedah dan bahan pengajaran terbaik dalam meningkatkan penguasaan murid bagi mata pelajaran ini. Seperti yang dinyatakan oleh M. Kaviza (2020) bahawa penggunaan bahan-bahan pembelajaran yang bersifat interpretatif dan interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencabar murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta dapat menjana idea-idea baharu. Selain itu kaedah mnemonic juga boleh diintegrasikan dengan penggunaan bahan multimedia. Seperti yang dinyatakan oleh Nur Syazwani et.al (2019) dalam kajiannya menyatakan melalui multimedia minat belajar sejarah dapat dipupuk kerana multimedia menyediakan pembelajaran melalui video, animasi, audio dan dapat berhubung melalui laman sosial. Hal ini telah menjadikan pelajar mempunyai semangat untuk belajar sejarah dan memberikan keseronokan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Penggunaan multimedia dalam sejarah juga bukan sahaja telah dikaji di dalam negara malah kajian di luar negara juga memperlihatkan perkara yang sama iaitu multimedia dapat meningkatkan motivasi dan menarik minat murid untuk mempelajari sejarah memandangkan sejarah merupakan mata pelajaran penting di setiap negara bagi memupuk semangat cintakan negara

## Kesimpulan

Kesimpulannya, teknik mnemonic boleh dijadikan sebagai alat bantu mengajar dalam proses membantu murid untuk menambahbaik pencapaian dan pengekalannya dalam ingatan jangka panjang bagi mata pelajaran Sejarah. Selain itu, teknik mnemonic bukan sahaja sesuai digunakan bagi mata pelajaran Sejarah tetapi mata pelajaran yang berbentuk hafalan yang memerlukan penggunaan bebanan kognitif yang tinggi seperti Geografi, bahasa, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Penggunaan kaedah mnemonic juga menjadikan guru lebih kreatif dan berinteraktif dalam pengajaran.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan untuk kajian ini.

## Rujukan

- Hanita Ladjaharun, Mohd Asri Mohd Noor. (2024). Pengajaran dan Pembelajaran Digital Mata Pelajaran Sejarah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society* 6(1): 322-336.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- M. Kaviza. (2020). Pembelajaran Berasaskan Bahan dalam Mata Pelajaran Sejarah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(5): 149-156.
- Muhammad Zulfiqar Mat Lui, Anuar Ahmad. (2021). Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6(2): 211-221.
- Muhammad Azian Saad. (2021). Pelestarian Patriotisme Di Sekolah Rendah Oleh Siswa Guru Sejarah Institut Pendidikan Guru Malaysia, UUM
- Nabilah Nasriyah Nasir, Anuar Ahmad, Norasmah Othman. (2024). Penggunaan Bahan Digital dalam Pentaksiran Sejarah Sekolah Rendah Berdasarkan Opsyen Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 9 (2).
- Nur Ayuni Nusaibah Husin, & Amir Hasan Dawi. (2019). Peranan Sekolah Dalam Pembentukan Perpaduan Antara Kaum Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*
- Norrolnadia Tajudin, Shahabudin Hashim. (2022). Medium Aplikasi Atas Talian dalam Pembelajaran Sejarah di Luar Waktu Persekolahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(10).
- Nur Syazwani Abdul Talib, Mohd Mahzan Awang, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusuff. (2019). Penggunaan Multimedia Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 2 (2).
- Nurul Syadiyah Khairuddin, Ramlah Mailok, Ummu Husna Azizan. (2023). Kesan Penggunaan Mnemonik Visual Terhadap Pengekalan Ingatan Jangka Panjang Bagi Mata Pelajaran Sejarah. *Journal of ICT in Education*: 56-66
- Nurul Faezah Rosli, Zal Hasmi Anuar & Anuar Ahmad. (2023). Kesiapan Guru Sejarah Melaksanakan Teknik Penceritaan dan Hubungannya dengan Minat Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5 (1): 442-451
- Nur Farhanah Halim, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang (2020). Tahap Pengetahuan Dan Sikap Murid Tahun 4 Terhadap Pembelajaran Atas Talian Dalam Subjek Sejarah. *Implication Of Covid-19 Pandemic Towards Education, Social Life & Global Economics*, 72

- Parvathy Rajan Naidu, Norliza Abdul Majida, Suppiah Nachiappana, Jaya Kumar Veerasamy. (2021). Pengaruh Sekolah terhadap Amalan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Pusparani a/p Nagendran, Anuar Ahmad. (2021). Tahap Keupayaan Pelajar Terhadap Menggunakan Sumber Digital Sejarah Dalam Pembelajaran Kendiri, *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 236-242.
- Umi Fairus Mohd Jamil dan Fazlinda Ab Halim. (2018). Kaedah mnemonic Akronim Dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi di Sekolah Rendah Agama Bersepadu Mersing. *Online Journal for TVET Practitioners*. 3(1).